

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 October 2015

Berhubung kenyataan fitnah bekas Presiden MCA dalam akhbar *Malay Mail*

PM tuntutan Liong Sik mohon maaf

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 OKT.

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi tempoh tujuh hari kepada bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liong Sik memohon maaf kepadanya atau berdepan tindakan undang-undang kerana memfitnah beliau menyalahgunakan dana pelaburan kerajaan bagi tujuan peribadi.

Tindakan tersebut diambil atas kapasiti peribadi Perdana Menteri berikutan kenyataan Liong Sik dalam akhbar *Malay Mail* bertajuk 'MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket' dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut peguam Perdana Menteri, Datuk Mohd. Hafarizam Harun, kenyataan fitnah bekas Menteri Pengangkutan dalam akhbar berbahasa Inggeris itu membawa maksud bahawa Najib telah menyalahgunakan dana pelaburan kerajaan ke dalam akaun peribadi beliau untuk kepentingan sendiri.

Jelasnya, surat tuntutan permohonan maaf itu telah dihantar hari ini kepada Liong Sik melalui Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak.

"Kenyataan itu juga membawa maksud bahawa pelanggan kami (Najib) menyalahgunakan amanah yang diberikan oleh rakyat Malaysia dengan menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi syarikat pelaburan negara, 1MDB dan juga sebagai pemimpin negara."

"Ia juga membawa maksud pelanggan kami tidak cekap, terlibat dalam skandal kewangan untuk menipu rakyat Malaysia serta tidak layak menjadi Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang mengandungi 13 parti politik termasuk MCA," kata Mohd. Hafarizam dalam kenyataan



NAJIB TUN RAZAK melambai ke arah orang ramai yang menyambut ketibaan beliau daripada urusan rasmi di luar negara dekat Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Kenyataan itu juga membawa maksud bahawa pelanggan kami (Najib) menyalahgunakan amanah yang diberikan oleh rakyat Malaysia dengan menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi syarikat pelaburan negara, 1MDB dan juga sebagai pemimpin negara."

MOHD. HAFARIZAM HARUN
Peguam Perdana Menteri

di sini hari ini.

Dalam kenyataan di *Malay Mail* pada Sabtu lalu, Liong Sik mahu Na-

jjib berundur daripada jawatannya dengan menuduh Perdana Menteri dalam isu 1MDB 'mengambil duit

orang lain dan memasukkannya ke akaun peribadi'.

Mohd. Hafarizam dalam pada itu berkata, tuduhan bekas Presiden MCA tersebut adalah satu fitnah dan telah merosakkan reputasi Perdana Menteri, selain cenderung untuk merendahkan beliau dalam pemikiran masyarakat.

"Ia adalah arahan pelanggan kami bahawa anda dengan niat jahat mengeluarkan kenyataan tidak benar dan fitnah, hingga mencemarkan reputasi pelanggan kami di dalam dan luar negara," katanya.

Ulm - 6/10/2015